

# Usaha terakhir tangani kepupusan tuntung

Pengorekan pasir jeaskan pembiakan tuntung, dipelihara di pusat konservasi



Oleh Nina Muslim  
bhrencana@bh.com.my

BH 28/10/2024 pg 31 and 32

**Anak** tuntung yang ada di atas tapak tangan pakar alam sekitar itu tampak begitu selesa, hampir langsung tidak bergerak.

"Cute juga," komen Meor Razak Meor Abd Rahman, pegawai lapangan Friends of Nature (SAM). Sejurus kemudian, tuntung sungai Selatan (Batagur affinis) itu, atau lebih dikenali sebagai tuntung sungai, menggelongsor daripada tangannya, jatuh terus ke dalam kolam kecil tuntung.

Aksi anak tuntung itu mencuri perhatian pengunjung Pusat Konservasi Tuntung Sungai yang terletak di Bota Kanan, Perak dan berkeluasan sekitar 6.3 hektar. Ada yang ketawar riang melihat gelagat anak tuntung itu. Pemandu pengunjung kemudiannya memberi jaminan si tuntung kecil itu baik-baik sahaja di dalam kolam yang turut menempatkan tuntung berusia beberapa tahun lebih tua daripadanya.

Tuntung sungai, rupanya, tidak begitu suka dengan manusia atau pun bunyi bising yang kuat.

Di bahagian lain pondok berbumbung itu, terdapat satu kolam yang

Tuntung takut pada manusia dan bunyi yang kuat menyebabkan mereka sukar untuk mencari benteng pasir untuk bertelur apabila terdapat aktiviti manusia atau ekonomi di sepanjang sungai.

memuatkan tuntung dewasa. Semua tuntung itu kelihatan berkumpul di satu sudut kolam. Berukuran kira-kira sekaiki panjang dan berwarna kelabu gelap, tuntung kebiasaannya akan memanjat di atas satu sama lain, mungkin sebagai usaha untuk menjauhkan diri daripada pandangan pengunjung.

Sikap malu, disertai pemusnahan habitat serta tapak bertelur di tebing sungai akibat kegiatan manusia dan ekonomi, seperti perlombongan pasir, hampir menyebabkan spesies itu pupus hinggalah ia disenaraikan sebagai sangat terancam di bawah Kesatuan

Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam (IUCN).

"Pengambilan pasir sungai menyebabkan tidak ada lagi kawasan beting pasir atau tebing yang berpasir di kawasan Sungai Perak ini. Jadi itu yang kami bimbang. Bagaimana tuntung ni boleh nak ke darat, untuk bertelur?" kata Meor Razak.

### **Sudah pupus di Thailand**


Tuntung sudah pupus di alam liar di Thailand, Vietnam dan Singapura. Pakar memberi amaran bahawa perkara yang sama mungkin berlaku

di Perak tidak lama lagi, kecuali ada lebih banyak usaha untuk melindungi tuntung-tuntung itu. Menurut laporan berita sejak 2019, sudah bertahun-tahun tuntung liar sungai tidak kelihatan di Perak.

Di Pusat Konservasi Tuntung Sungai di Bota itu, terdapat beberapa ratus tuntung sungai, pelbagai saiz dan usia. Sesetengahnya disimpan untuk dibiakkan, manakala yang lain akan dilepaskan ke air. Terdapat satu kawasan tebing pasir yang dipagar khusus sebagai tempat pembesaran tuntung. Setelah mencapai usia dewasa iaitu menjangkau satu dekad, tuntung berkenaan akan dilepaskan ke dalam sungai.

Walaupun ia dilihat sebagai langkah yang baik, namun sebenarnya ia adalah usaha terakhir dalam pemuliharaan tuntung.

Presiden Persatuan Pemuliharaan Penyuluhan Malaysia, Maketab Mohamed menyamakan pusat berkenaan sebagai 'zoo' sambil menegaskan, tuntung sungai akan pupus sekiranya tiada usaha untuk menyelamatkan spesies itu di alam liar.



# Bertelur sekitar 30 biji satu musim

Dari muka 31

"Dulu memang ada banyak di Sungai Perak. Sekarang sebab isu perlombongan pasir, tak ada tempat nak bertelur. Dalam Sungai Perak itu, yang kita sebut di alam liar, memang seekor tak dapat.

"Jadi yang dah naik nak bertelur, tak ada tempat bertelur maknanya balik ke dalam sungai, pupuslah," katanya.

Memburukkan keadaan, tuntung sungai tidak subur penyau laut. Penyau laut mampu bertelur sebanyak 110 biji telur, dua hingga lapan kali satu musim, sementara tuntung sungai bertelur sekitar 25 hingga 30 biji sahaja dalam satu musim.

Bagaimana aktiviti melombong pasir boleh menjejaskan tuntung? Cara melombong pasir ialah meletakkan pengorek kaut, yang digunakan untuk mengaut pasir daripada bahagian tengah sungai, hampir dengan sisi air di zon penampungan sungai, iaitu tempat tuntung membuat sarang untuk bertelur.

Wujudnya timbunan pasir di tebing sungai jelas menunjukkan wujud kegiatan perlombongan pasir sungai. Kesannya tumbuhan sungai musnah dan kegiatan ini menghalang tuntung naik ke tebing untuk bertelur. Kegiatan melombong pasir sungai itu bukan sahaja menjejaskan hidupan liar tempatan akibat kekeruhan air tetapi juga memusnahkan organisma penting di dasar sungai yang menyumbang kepada kesihatan sungai.

Pasir adalah bahan paling banyak


dilombong di dunia dan menurut Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP), sebanyak kira-kira 50 bilion tan metrik dilombong setahun. Melombong atau mengorek pasir bukan sahaja terhad di sungai. Bukit pasir pedalaman, pantai dan dasar lautan juga mempunyai pasir, meskipun pasir sungai yang kasar paling dicari untuk tujuan pembinaan.

Satu laporan UNEP tahun 2022 mendapati, perlombongan pasir meningkat pada kadar enam peratus setahun secara global, yang dianggap sebagai 'tidak mampan'. Kebanyakan projek perlombongan pasir di dunia dibuat secara haram. Industri perlombongan pasir global dianggarkan bernilai AS\$151 bilion (RM620 bilion).

Di Perak, kebanyakan kegiatan perlombongan pasir di sungai mempunyai lesen meskipun masih terdapat projek melombong pasir secara haram. Pakar alam sekitar mendakwa kerajaan Perak pada masa lalu meluluskan terlalu banyak projek, dakwaan yang mereka nafikan.

Kerajaan Negeri Perak Teh Kok Lim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau memberitahu, sebarang projek perlombongan pasir yang diluluskan di Perak memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan agensi pengawal lain.

"Kebanyakan tawaran perlombongan pasir (projek), mereka perlu lakukan untuk mendalamkan sungai.



▲ Tuntung sungai dewasa berhimpit di sudut, paling jauh dari pengunjung di Pusat Konservasi Hidupan Liar Tuntung di Bota Kanan, Perak. (Foto BERNAMA)

Jadi, apabila tawaran diberi, pada masa sama, terdapat keperluan untuk laporan EIA (Penilaian Impak Alam Sekitar)," katanya.

Katanya, semua projek memerlukan EIA termasuk perlombongan berskala kecil, manakala proses kelulusan perlu dilakukan dengan cara yang betul dan berhati-hati.

Semua kegiatan perlombongan tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Meskipun Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah agensi Persekutuan, undang-undang membenarkan JAS negeri meluluskan

permit pelesenan. Laporan EIA tidak mudah diperolehi awam, JAS meskipun memuat naik laporan EIA projek yang menunggu kelulusan di laman sesawangnya, namun untuk mencari laporan EIA selepas projek diluluskan, boleh menemui jalan buntu.

Menurut Kok Lim, semua orang menang - bermaksud kerajaan negeri mendapat manfaat daripada penjualan pasir, masyarakat setempat memperoleh pekerjaan dan semua mendapat projek tebatan banjir, sekiranya semua dilaksanakan secara betul."



## 'Pulihkan tebing sungai, kami mahu hidup'

Perlombongan pasir mungkin buruk untuk sistem ekologi, tetapi manfaatnya untuk peluang pekerjaan bagi masyarakat setempat serta sumber kewangan kerajaan negeri, tidak boleh dipandang ringan.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Datuk Nor Hisham Mohd Ghazali berkata, kerajaan perlu berkompromi dalam hal berkenaan.

"Ia adalah harga yang perlu dibayar untuk (mengembangkan) ekonomi," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Putrajaya.

"Saya percaya kita ada undang-undang tetapi kita tidak menyampaikan

dengan baik perihal undang-undang itu kepada umum."

Untuk itu, kebanyakan pakar lebih memilih supaya kerajaan menguatkuasakan atau menggunakan undang-undang yang ada, daripada memperkenalkan undang-undang baharu.

Selain daripada keperluan EIA, terdapat Enakmen Akta Hak Sungai Perak 1915 iaitu undang-undang pemuliharaan tertua di negara ini, yang membantu memulihara tuntung sungai, dengan mengawal pemakanan telur tuntung - makanan istimewa dalam kalangan orang tempatan - dan pemuliharaan telur tuntung di sepanjang Sungai Perak.

▲ Ekosistem sungai terancam, termasuk tuntung sungai, akibat aktiviti perlombongan pasir serta faktor hakisan tebing di Sungai Perak. (Foto BERNAMA)

Dengan dikawal oleh PERHILITAN, enakmen berkenaan bagaimanapun tidak mewujudkan kawasan pemuliharaan tertentu.

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, mewujudkan tempat perlindungan hidupan liar atau kawasan simpanan untuk hidupan liar, oleh kerajaan negeri atau pihak berkuasa Persekutuan.

Menurut Meor Razak, selain pusat pemuliharaan, tidak ada tapak yang dilindungi untuk tuntung yang naik ke darat untuk bertelur.

Beliau dan Hafizudin Nasarudin, Pengerusi Majlis Tertinggi Kumpulan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) ber-

setuju dengan pelaksanaan undang-undang serta peraturan yang sedia ada berhubung habitat tuntung sungai, seperti zon penampungan sungai.

Hafizudin memberitahu Bernama, ini kerana, sementara usaha pemuliharaan amat dialu-alukan, ia seharusnya sebagai usaha yang terakhir.

"Tak guna juga kalau ada tapak penetasan kalau pantai pasir sudah semakin banyak hilang.

"Penyelesaian muktamad adalah pulihkan kembali tebing sungai. Secara jangka panjang, secara automatik, tuntung itu akan datang balik, tanpa ada sebarang hakisan tebing sungai," tambahnya. BERNAMA